



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

NO. 4A1-8A1, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG, JALAN BANDAR,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM.



ISO 9001 : 2008
KLR 0403621


27

Rujukan : LPJ/IP/OPS/24JLD2(27)

Tarikh : 16/10/2014

NOTIS PELABUHAN BIL.22/07/2014

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR



KEPADA : OPERATOR PELABUHAN, AGEN PERKAPALAN,
PEMILIK JETI PERSENDIRIAN DAN PENGGUNA
PELABUHAN

PERKARA : KEMASUKAN KAPAL-KAPAL YANG DATANG DARI
BENUA AFRIKA UNTUK MENCEGAH WABAK EBOLA

Tuan/Puan,

Adalah dimaklumkan bahawa Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan kejadian wabak *Ebola Virus Disease (EVD)* telah melanda Negara Afrika Barat seperti Guinea, Liberia dan Sierra Leone.

2. Oleh yang demikian, operator pelabuhan, agensi perkapalan, pemilik jeti persendirian dan pengguna pelabuhan perlu memberi perhatian kepada semua kapal-kapal, anak-anak kapal atau penumpang yang datang dari Negara Afrika dan perlu memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Pelabuhan sekiranya terdapat:


- i. Kapal-kapal dari Negara Afrika tiba di Johor Port Berhad (JPB) dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) atau mana-mana jeti persendirian yang berkaitan;
- ii. Anak-anak kapal yang 'sign on' dari Negara Afrika; dan
- iii. Mana-mana anak kapal atau penumpang yang demam dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 daripada simptom-simptom seperti berikut:
 - Demam secara mengejut.
 - Tubuh badan yang terlalu lemah.
 - Sakit pada sendi dan otot badan.
 - Sakit kepala dan sakit tekak.
 - Muntah dan cirit birit.
 - Ruam
 - Pendarahan dalaman dan luaran badan.
 - Sukar menelan.

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG) : 07-253 4000 (TEL.)
: 07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS) : 07-507 1978 (TEL.)
: 07-507 1976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA : 02-6545 3230 (TEL.)
: 02-6545 3231 (FAKS)
LAMAM WEB : <http://www.lpj.gov.my>
e-mail: edwin@lpj.gov.my

3. Pejabat Kesihatan Pelabuhan boleh dihubungi melalui talian berikut:
- i. **Pejabat Kesihatan Pelabuhan Pasir Gudang** (Johor Port Berhad).
Nombor telefon pejabat dan faksimili : 072511161
 - ii. **Pejabat Kesihatan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP)**
Nombor telefon pejabat : 075071757 / 075133087
Nombor faksimili pejabat : 075071767
4. Agen perkapalan perlu memaklumkan kepada kapten kapal untuk pengasingan anak kapal atau penumpang yang sakit atau menghidap simptom-simptom seperti di atas. Penggunaan sarung tangan dan penutup mulut adalah diwajibkan semasa mengendalikan anak kapal atau penumpang yang disyaki terkena wabak ebola.
5. Sebarang pertanyaan berhubung notis ini boleh dimajukan kepada 072534000 sambungan 4032, 0197544000 atau emel kepada syahrir@lpi.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN”



.....
MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor

No Dokumen: 149663